Juara UASA

UJIAN AKHIR SESI AKADEMIK

berdasarkan JADUAL SPESIFIKASI UJIAN (JSU)

状元试卷

国文

Bahasa Melayu
(011)

Set kertas model selaras format pentaksiran terkini, pilihan utama untuk persediaan **UASA**!

JSU

KBAT

Wen Bin

Tahun **6** 年级

- **100%** mematuhi format **UASA** UJIAN AKHIR SESI AKADEMIK terkini
- **5** Set Kertas Model **UASA**
- Setiap set boleh dipisah daripada buku
- Dilengkapi dengan tip menjawab **UASA**
- Jawapan lengkap disediakan

LIVEWORKSHEETS

Bahagian A
[10 *markah*]

Soalan 1 dan 2
Pilih jawapan yang **paling sesuai**.

1. Adik menunggang _____ yang baru dibeli oleh bapa di taman permainan.

   A bot

   B kereta

   C basikal

   D feri

2. "_____ berharap supaya rakyat di negara ini mengamalkan sikap bertoleransi tanpa mengira bangsa dan agama," titah Sultan Kedah.

   A Beta

   B Patik

   C Hamba

   D Engkau

Soalan 3

3. *Pilih ayat yang* **betul**.

   A Adik menangis lalu dimarahi ibunya.

   B Ibu menanam pokok bunga sambil bapa membaca surat khabar.

   C Kai Yu membaca buku di ruang tamu sementara menunggu kepulangan ibunya.

   D Cikgu Chin menasihati murid-muridnya kerana belajar dengan bersungguh-sungguh.

© *Tunas Pelangi Sdn. Bhd.*

LIVEWORKSHEETS

Soalan 4 hingga 6

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Keluarga Yu Feng berasa besar hati apabila ayahnya diumumkan sebagai Tokoh Masyarakat atas jasanya membantu penduduk kampung membina sekolah dan mengadakan kelas tambahan secara percuma. Suasana rumah mereka penuh ceria.

Bagi Yu Feng dan adik-adiknya, penghargaan itu ibarat hadiah atas kasih sayang dan pengorbanan ayah mereka. Mereka berazam untuk mencontohi ayah mereka dengan belajar bersungguh-sungguh dan menjaga nama baik keluarga agar terus dihormati.

4. Apakah yang membanggakan keluarga Yu Feng?
   - A Yu Feng diumumkan sebagai Tokoh Masyarakat
   - B Mendapat keuntungan daripada kelas tambahan
   - C Membina sekolah kepada penduduk taman
   - D Ayah diumumkan sebagai Tokoh Masyarakat

5. Pilih pernyataan yang **benar** tentang petikan.
   - A Ayah Yu Feng ialah seorang guru.
   - B Yu Feng bertekad untuk mencontohi ayahnya menjadi seorang pendidik.
   - C Yu Feng dan adik-adiknya berazam untuk belajar bersungguh-sungguh dan menjaga nama baik keluarga.
   - D Keluarga Yu Feng berasa hampa kerana ayahnya tidak meluangkan masa bersama-sama ahli keluarga.

6. Berikut ialah nilai yang ada pada ayah Yu Feng *kecuali*
   - A prihatin.
   - B baik hati.
   - C menepati masa.
   - D bertanggungjawab.

© Tunas Pelangi Sdn. Bhd.

LIVEWORKSHEETS

Soalan 7 hingga 10

Baca maklumat dalam **Bahan 1** *dan* **Bahan 2** *dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.*

BAHAN 1

AMALAN GAYA HIDUP SIHAT

- *bersenam*
- minum air kosong
- makan makanan berkhasiat
- mempunyai rehat yang mencukupi
- menjaga kebersihan diri dan persekitaran











BAHAN 2

Cikgu Aminah membawa murid-murid ke luar kelas untuk belajar tentang cara menjaga kesihatan diri. Beliau menunjukkan carta makanan seimbang dan menerangkan kepentingannya.

Murid-murid juga belajar tentang kepentingan *bersenam* dan minum air kosong secukupnya. Cikgu Aminah mengingatkan murid-murid supaya sentiasa menjaga kebersihan diri dengan mandi setiap hari, menggosok gigi sekurang-kurangnya dua kali sehari serta mencuci tangan sebelum dan selepas makan.

Selepas itu, Cikgu Aminah mengajak murid-murid bermain permainan simulasi gaya hidup sihat di dalam kelas. Mereka berlakon menjadi doktor, pesakit dan jururawat untuk memahami kepentingan menjaga kesihatan.

"Kesihatan diri sangat berharga," pesan Cikgu Aminah.

Murid-murid berjanji akan sentiasa mengamalkan gaya hidup sihat demi tubuh yang cergas dan minda yang cerdas.

© *Tunas Pelangi Sdn. Bhd.*

LIVEWORKSHEETS

7. Apakah tujuan utama Cikgu Aminah membawa murid-murid ke luar kelas?

A Bermain permainan simulasi

B Berlakon untuk menjadi doktor

C Belajar tentang cara menjaga kesihatan diri

D Belajar tentang cara menggosok gigi dengan betulnya

8. Mereka berlakon menjadi doktor, pesakit dan jururawat untuk memahami kepentingan menjaga kesihatan.

Penjodoh bilangan yang sesuai dengan perkataan bergaris di atas ialah

A utas.

B bilah.

C orang.

D bidang.

9. Perkataan *bersenam* dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2** boleh digantikan dengan perkataan

A bersembunyi.

B berniaga.

C beriadah.

D bertemu.

10. Pilih pernyataan yang **benar** tentang **Bahan 1** dan **Bahan 2** di atas.

A Cikgu Aminah mengajar murid-murid tentang cara menjaga kesihatan di dalam kelas.

B Murid-murid belajar tentang kepentingan menjaga kesihatan diri.

C Murid-murid dinasihatkan agar berjoging pada setiap hari.

D Cikgu Aminah berlakon sebagai seorang doktor.

© Tunas Pelangi Sdn. Bhd.

LIVEWORKSHEETS

Bahagian B

[10 *markah*]

Soalan 1

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Pada setiap hujung minggu, keluarga Mei Ling akan bekerjasama untuk membersihkan halaman rumah. Ayah menyapu dedaun kering, ibu menyiram pokok bunga manakala Mei Ling dan abangnya mengutip sampah. Mereka bekerjasama dengan gembiranya tanpa berasa penat.

Setelah halaman rumah dibersihkan, mereka sekeluarga berehat sambil menikmati kuih yang dibuat oleh ibunya. Suasana penuh mesra itu merapatkan hubungan mereka sekeluarga. Mei Ling berasa bangga kerana keluarganya hidup dalam suasana harmoni, saling membantu dan menghargai antara satu sama lain.

1. (a) Keluarga Mei Ling akan bekerjasama untuk _____ pada setiap hujung minggu.

[1 *markah*]

(b) Apakah aktiviti yang dilakukan oleh keluarga Mei Ling selepas membersihkan halaman rumah?

_____

_____

[2 *markah*]

LIVEWORKSHEETS

(c) *Bulatkan* **satu kata ganti nama diri** *yang terdapat dalam ayat yang diberikan.*

Suasana penuh mesra itu merapatkan hubungan mereka sekeluarga.

[1 *markah*]

(d) *Pilih dan tuliskan* (BETUL) *bagi ayat yang* **sama maksud** *dengan ayat yang diberikan.*

Mereka bekerjasama dengan gembiranya tanpa berasa penat.

Mereka berganding bahu dengan seronoknya tanpa berasa letih.	
Mereka berganding bahu dengan gembiranya kerana berasa letih.	

[1 *markah*]

© *Tunas Pelangi Sdn. Bhd.*

LIVEWORKSHEETS

Soalan 2

Baca dan fahami situasi di bawah. Kemudian, berikan pendapat kamu berdasarkan situasi tersebut.

Panjangnya jawapan kamu hendaklah **tidak lebih daripada 30 patah perkataan.**

Semasa berjalan kaki pulang dari sekolah, kamu mendapati sebuah van sedang mengekori kamu. Kamu sudah berjalan agak jauh dari sekolah untuk berpatah balik.

2. Berdasarkan situasi di atas, apakah tindakan yang harus kamu lakukan?

[5 *markah*]

LIVEWORKSHEETS

Bahagian C

[10 *markah*]

Grafik di bawah menunjukkan cara-cara penjagaan keselamatan di jalan raya.
Tuliskan pendapat kamu tentang cara-cara penjagaan keselamatan di jalan raya.
Jawapan kamu hendaklah ditulis dalam satu perenggan.
Panjangnya jawapan kamu hendaklah tidak lebih daripada 50 patah perkataan.



[10 *markah*]

© *Tunas Pelangi Sdn. Bhd.*


LIVEWORKSHEETS

Bahagian D

[20 *markah*]

Teliti bahan grafik di bawah. Kemudian tulis sebuah karangan dalam bentuk **karangan berformat atau karangan tidak berformat**. *Panjangnya karangan kamu hendaklah* **antara 50 hingga 80 patah perkataan**.

AKTIVITI BERSAMA-SAMA KELUARGA DI TAMAN PERMAINAN



1. Tuliskan sebuah cerita berdasarkan gambar di atas.

   ATAU

2. Tuliskan sebuah catatan berdasarkan gambar di atas.

© *Tunas Pelangi Sdn. Bhd.*

LIVEWORKSHEETS